



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

2019 - 2023



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT,
PERSIARAN MAJLIS OFF JALAN SULTAN ALAM SHAH,
42700 BANTING, KUALA LANGAT,
SELANGOR DARUL EHSAN.
NO. TEL : 03-3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743
NO. FAKS : 03-3187 9304

Kata-kata Aluan

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang bertujuan menangani isu governans, integriti dan antirasuah secara menyeluruh telah dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 31 Januari 2019.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) merupakan pelan yang dibangunkan oleh Kerajaan untuk mencapai aspirasi supaya "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah". NACP ini dibuat adalah untuk menangani rasuah dengan mempromosikan ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti dalam semua pentadbiran Kerajaan. Kepimpinan melalui teladan adalah cara yang ditekankan untuk mencapai matlamat di mana setiap warganegara tidak mengamalkan rasuah dengan menunjukkan komitmen menentang rasuah dari awal dan diikuti oleh pelbagai sektor dan organisasi. Menegakkan kedaulatan undang-undang, menerapkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan integrity serta tadbir urus yang baik apabila menjalankan autoriti atau kuasa menjadi asas dalam usaha untuk menghapuskan rasuah dan membentuk ekosistem bebas rasuah untuk generasi akan datang.

Cabar globalisasi pada masa ini telah membuka seribu satu peluang dan cabaran kepada kita di mana transformasi ekonomi, arus pemodenan dan ledakan teknologi maklumat turut memberikan pelbagai impak positif mahupun negatif kepada seluruh masyarakat Malaysia. Dengan menggariskan strategi-strategi pelaksanaan dan program-program pengukuhan integriti, penerbitan buku Pelan Antirasuah (PA) Majlis Perbandaran Kuala Langat akan dapat membantu memantapkan kefahaman warga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat mengenai integriti, mengukuhkan nilai murni dan memantapkan proses penyampaian perkhidmatan di kalangan warga Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Buku Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat ini menggariskan rangka strategi dan program yang melibatkan semua warga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat bagi meningkatkan integriti dan etika kerja serta nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas-tugas seharian. Ia merupakan sebuah *'living document'* yang bersifat dinamik dan boleh dilakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Adalah menjadi harapan saya agar strategi dan program yang telah dirangka di dalam buku Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat ini dapat dilaksana, diamal dan dimanfaatkan sebaiknya oleh setiap warga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat demi memastikan setiap matlamat dan misi kerajaan Malaysia serta matlamat dan misi Majlis Perbandaran Kuala Langat sendiri dapat dicapai.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah untuk semua tenaga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat yang terlibat dalam usaha penerbitan buku Pelan Antirasuah ini.

Sekian.

DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, DIMP.



KANDUNGAN

| | | |
|------------------|--|-------|
| BAB 1 | LATAR BELAKANG | 2 |
| | VISI DAN MISI | 4 |
| | OBJEKTIF | 6 |
| | PIAGAM PELANGGAN | 8—9 |
| | ISU DAN CABARAN | 11 |
| | KESAN-KESAN RASUAH | 12 |
| | PENILAIAN RISIKO | 13 |
| BAB 2 | SENARIO MASA HADAPAN | 15—20 |
| | GERAKAN PEMANTAPAN ANTIRASUAH | 22 |
| | GARIS PANDUAN ASAS | 24—28 |
| BAB 3 | KERANGKA OACP | 30 |
| | BIDANG KEUTAMAAN | 31—32 |
| | STRATEGI | 33—44 |
| BAB 4 | MEKANISME PELAKSANAAN | |
| | • JAWATANKUASA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN | 46 |
| | • JAWATANKUASA ANTIRASUAH | 47 |
| BAB 5 | KESIMPULAN | 49 |



BAB 1

PENGENALAN



JAWATANKUASA KERJA DACP

PENGURUSAN TERTINGGI

YBhg.DATO` AMIRUL AZIZAN BIN DATO`SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.

TPr. TUAN HAJI ARPAII BIN HAJI SANAT, A.M.S.,P.P.T., P.K.T.

URUS SETIA OACP

TUAN HAJI FAUZI BIN HJ DIN

ENCIK ABDUL MUTALIB BIN MOHD YUNUS

ENCIK MUHAMMAD ILHAM KAMIL BIN SAHID

CIK HANIFAH BINTI MOHD JAMIRIN

PUAN NORHAFIZAH BINTI MOHD SALLEH

TENAGA PAKAR SURUHANJAYA
ANTIRASUAH MALAYSIA (SPRM)

ENCIK AZUAN BIN ADZHAR

TENAGA PAKAR SIRIM

TUAN SYED FADDLY BIN

KESIMPULAN



Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat merupakan satu pelan yang dirangka untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan tanggungjawab seluruh warga Majlis Perbandaran Kuala Langat dalam membanteras rasuah. Pelan Antirasuah ini adalah selaras dengan aspirasi negara yang memperkenalkan Pelan Antirasuah Nasional.

Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat merangka pelan ini untuk penambahbaikan pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar matlamat yang disasarkan terlaksana. Kajian semula Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat akan dilaksanakan setiap tahun.

Tambahan lagi, dengan terhasilnya Pelan Antirasuah ini juga dapat meningkatkan etika kerja serta nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas-tugas sehari-hari. Sehubungan dengan itu, Pelan Antirasuah ini juga merupakan sebuah strategi yang bersifat dinamik dan boleh dilaksanakan untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti dalam setiap tenaga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Sebagai kesimpulannya, Pelan Antirasuah ini diharapkan dapat meningkatkan moral dan etika setiap anggota pentadbiran bagi mewujudkan satu budaya organisasi yang cemerlang dan penuh integriti dalam menjalankan tugas sehari-hari malah dapat meningkatkan kualiti hidup dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

LATAR BELAKANG



Pelan Antirasuah Nasional (NACP) telah dilaksanakan oleh jentera kerajaan sebagai sebuah pelan tindakan negara menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi dengan membanteras rasuah. Penggubalannya adalah selaras dengan matlamat mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi selari dengan Wawasan 2020.

Bagi meneruskan kesinambungan daripada usaha kerajaan ini, Majlis Perbandaran Kuala Langat telah berusaha merangka sebuah Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat. Ia merupakan suatu rangka strategi yang menterjemahkan matlamat dan pendekatan pelaksanaan program dan aktiviti penerapan serta pemantapan integriti dalam membanteras rasuah di kalangan warga kerja. Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat diselaraskan dengan sasaran keutamaan dalam fasa pertama pelaksanaan NACP.

Strategi utama Majlis Perbandaran Kuala Langat dalam memastikan Pelan Antirasuah ini tercapai adalah dengan mengaplikasikan strategi berikut :

1. Menyediakan perancangan Program Menaiktaraf dan Penyelenggaraan secara bersepadan dan menyeluruh dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Langat.
2. Perkongsian dengan Persatuan Penduduk untuk menyelenggara dan menjaga kawasan landskap, kawasan lapang, peralatan permainan kanak-kanak (Local Agenda 21).
3. Program penajaan pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan awam.
4. Mewujudkan unit penyelenggaraan bagi menangani kerja-kerja pembinaan kecil.
5. Pengurusan sisa pepejal, pembersihan Bandar dan tapak pelupusan sampah diswastakan keseluruhannya.
6. Penambahan jawatan bagi mengukuhkan struktur organisasi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perbandaran kepada awam dan komersial.

VISI DAN MISI



BAB 5

KESIMPULAN





MEKANISME PELAKSANAAN

JAWATANKUASA ANTIRASUAH

Satu Jawatankuasa telah diwujudkan di peringkat Negeri Selangor bagi memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Antirasuah ini berjalan dengan berkesan. Jawatankuasa ini dinamakan Jawatankuasa Antirasuah (JAR). Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelaras utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Antirasuah di bawah pentadbiran kerajaan Negeri Selangor berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan. Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) dibuat 3 kali setahun. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di bawah:

| STRATEGI | MATLAMAT |
|-------------|---------------------|
| Pengerusi | Dato' SUK |
| Ahli – ahli | Semua Ketua Jabatan |
| Urus setia | Unit Integrit SUK |

VISI DAN MISI



VISI

KUALA LANGAT PERBANDARAN MAJU, DINAMIK, LESTARI DAN TERBILANG MENJELANG TAHUN 2020.

MISI

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG CEKAP SEIRING DENGAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MENERUSI PEMBANGUNAN SECARA SAKSAMA DAN BERTANGGUNGJAWAB MELALUI TADBIR URUS YANG INOVATIF UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT.

OBJEKTIF



MEKANISME PELAKSANAAN

JAWATANKUASA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Bagi memastikan setiap anggota di Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan. Penilaian pencapaian Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat ini akan dijalankan pada setiap tahun dan kajian keberkesaan akan dibuat untuk menentukan keberkesaan pelaksanaan strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dari semasa ke semasa.



| STRATEGI | MATLAMAT |
|---|-----------------------|
| Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pematuhan Integriti | Setiap enam (6) bulan |
| Penilaian Keberkesaan dan Kajian Semula Pelan Antirasuah Organisasi | 2020 |

BAB 4

MEKANISME PELAKSANAAN



OBJEKTIF



01

MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.

02

MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN KECEKAPAN KEWANGAN BAGI MENINGKATKAN SUMBER HASIL MPKL.

03

MEMANTAPKAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK KESEAHTERAAN RAKYAT.

04

MEMPERKASA TADBIR URUS MPKL DENGAN TEKNOLOGI SEMASA.

05

MEMPERGIATKAN PEMBANGUNAN FIZIKAL BANDAR YANG MAMPAK SERTA MENGUTAMAKAN PEMELIHARAAN ALAM SEMULAJADI UNTUK KESEAHTERAAN SOSIO EKONOMI WARGA KUALA LANGAT.

06

MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN SOSIAL UNTUK MEMELIHARA KEHARMONIAN DAN KESEAHTERAAN RAKYAT.

PIAGAM

PELANGGAN



BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN UNTANG-UNDANG
STRATEGI : MEMPERTINGKATKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM
MELAKSANAKAN UNTANG-UNDANG DAN PERATURAN.

PELAN TINDAKAN :

| BIL | STRATEGI | TINDAKAN | TAHUN SASARAN / PELAKSANA |
|-----|---|--|------------------------------|
| 4. | Menguruskan penempatan dan pertukaran secara efektif. | 1. Mengadakan pusingan kerja sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun sekali mengikut Pekeliling Perkhimat Bil.3/2004. | Berterusan JKP |
| 5. | Melaksanakan Pengisytiharaan Harta. | 1. Pengisytiharaan harta kepada anggota baru. | Berterusan JKP |



BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG
STRATEGI : MEMPERTINGKATKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM
MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN.

PELAN TINDAKAN :

| BIL | STRATEGI | TINDAKAN | TAHUN SASARAN / PELAKSANA |
|-----|--|--|---|
| 1. | Melaksanakan sistem penilaian prestasi anggota yang lebih berkesan, adil dan saksama. | 1. Meningkatkan kefahaman Pegawai Penilai melalui Taklimat Laporan Nilaian Prestasi Tahunan. | 2019 dan berterusan JKPM |
| 2. | Melaksanakan sistem saringan dalam pemilihan pegawai dan anggota yang lebih ketat. | 1. Mengadakan Ujian fizikal dan ujian amali | 2019 dan berterusan JKP |
| 3. | Melaksanakan aktiviti berterusan untuk mempertingkatkan semangat ketaatan dan kesetiaan yang tinggi, semangat kekitaan dan bekerja dalam kumpulan. | 1. Mengadakan tapisan keselamatan. 2. ‘Pengenalan kepada Integriti’ dalam Kursus Induksi. 3. Memperkasa Mentor Menti 4. Mengadakan Majlis Bersama Jabatan, sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali | JKP 2019 dan berterusan UI Pementoran MBJ |



PIAGAM PELANGGAN



1. Penyediaan sumber manusia yang terlatih dan terbaik berasaskan budaya kerja cemerlang bagi memenuhi kehendak jabatan, masyarakat dan negara.
2. Menguruskan kewangan dengan cekap dan telus berpandukan Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
3. Menilai Cukai Taksiran dengan adil dan saksama serta menguruskan penggunaan kemudahan harta MPKL dengan cekap.
4. Mengawal segala bentuk aktiviti perniagaan menerusi suatu sistem yang efisien serta melaksanakan kerja yang berkualiti, terkawal dan terjamin.
5. Merancang pembangunan yang mampan dengan mengintegrasikan pembangunan guna tanah dengan menyeimbangkan pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosial serta pemuliharaan alam sekitar.
6. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan prasarana dan infrastruktur dengan cara yang terbaik untuk keselesaan penduduk.
7. Memastikan Pelan Bangunan Baru dan Ubah Suai diproses dengan cekap dan efisien.
8. Pembangunan dan penyelenggaraan landskap yang terbaik bagi mewujudkan persekitaran indah selaras dengan konsep ‘Bandar Dalam Taman’.
9. Melaksanakan program-program mesra rakyat untuk kesejahteraan penduduk Kuala Langat.
10. Memastikan tindakan penguatkuasaan undang-undang dijalankan secara adil dan berintegriti.

PIAGAM PELANGGAN



11. Memastikan perkhidmatan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang dijalankan secara adil dan berintegriti.
12. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) 2 kali sebulan.
13. Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada piawaian yang diterima umum.
14. Menjaminkan layanan yang mesra dalam pengurusan pentadbiran yang berkualiti dan sentiasa prihatin terhadap masalah pelanggan.
15. Memastikan badan pengurusan mengurus dan menyenggara harta bersama dalam kawasan pemajuan berstrata dengan baik dan memuaskan selaras dengan peruntukan dalam Akta Pengurusan Strata 2013.
16. Melaksanakan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti bagi mewujudkan persekitaran selesa, harmoni dan sejahtera.
17. Komited dalam memberikan perkhidmatan perolehan dan sebut harga berteraskan kepada pekeliling yang telah ditetapkan.
18. Membangun, mentadbir dan mengurus Bandar Saujana Putra bagi pihak MPKL untuk menjadi bandar lestari, mampan bagi peningkatan kualiti hidup, memantapkan sumber hasil dan memperkasa tadbir urus MPKL.
19. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.



BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG
STRATEGI : MEMPERTINGKATKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM
MELAKUKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN.

OBJEKTIF STRATEGI :

- | | |
|------|---|
| 3. | Beberapa strategi pemantapan pengurusan sumber manusia bagi melahirkan anggota Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat yang berkualiti telah dirangka merangkumi program-program seperti: |
| i | Meningkatkan kefahaman Pegawai Penilai terhadap penilaian prestasi anggota melalui Taklimat Laporan Nilaian Prestasi Tahunan; |
| ii | Mengadakan ujian fizikal dan ujian amali bagi memastikan pengambilan anggota baru yang bersih dan memiliki tahap integriti yang tinggi; |
| iii | Mengadakan tapisan keselamatan bagi setiap anggota; |
| iv | Memasukkan ‘Pengenalan Kepada Integriti’ dalam Kursus Induksi bagi mengukuhkan dan membudayakan integriti anggota dalam menjalankan tugas; |
| v | Melantik Rakan Pembimbing bagi membantu anggota dalam memperkasakan tugas masing-masing; |
| vi | Mengadakan Majlis Bersama Jabatan iaitu salah satu platform kepada anggota untuk menyalurkan segala permasalahan dan mencetuskan idea-idea baru untuk penambahbaikan dalam organisasi di samping mengerakkan silaturahim di antara pegawai atas dan anggota sokongan; |
| vii | Mengadakan pusingan kerja di antara anggota pentadbiran setiap lima (5) tahun sekali mengikut Pekeliling Bil.3 Tahun 2004 bagi memperkayakan dan memperluaskan pengalaman; dan |
| viii | Memantau pelaksanaan pengisytiharaan harta serta gaya hidup pegawai serta keluarga. |

STRATEGI 3



ISU DAN CABARAN



ISU & CABARAN MENANGANI RASUAH



Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang :

1. TADBIR URUS

- PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG (AKTA) YANG LAPUK / TIDAK LAGI SESUAI YANG MENJURUS KEPADA KELEMahan PENGUATKUASAAN.
- KELEMahan PENGURUSAN MAKLUMAT DAN PROSES KERJA YANG TIDAK TERATUR.

2. KOMPETENSI

- KELEMahan DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN BERASASKAN MAKLUMAT YANG TEPAT DAN BETUL .
- KELEWATAN ATAU KELEMahan DALAM MELAKSANAKAN TUGAS DAN TINDAKAN YANG DITETAPKAN MENYEBABKAN PENYAMPAIAN PERKHID-MATAN TIDAK CEKAP.
- PENGUATKUASAAN YANG LEMAH.

3. INTEGRITI

- PENYALAHGUNAAN KUASA DALAM MENJALANKAN TUGAS.
- KEBOCORAN MAKLUMAT TERPERINGKAT.
- WUJUD RUANG DAN PELUANG UNTUK RASUAH DAN PELANG-GARAN INTEGRITI SEMASA PELAKSANAAN TUGAS.
- CAMPUR TANGAN PIHAK YANG BRKEPENTINGAN DALAM PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN.



BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM

STRATEGI

: PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI UNTUK MEMERANGI RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA SERTA MENINGKATKAN INTEGRITI.

PELAN TINDAKAN :

| BIL | STRATEGI | TINDAKAN | TAHUN SASARAN / PELAKSANA |
|-----|--|---|--|
| 1. | Memantapkan saluran aduan dengan mekanisme ketelusan dalam pentadbiran bagi memperbaiki sebarang kelemahan dan aduan salahlaku atau kelemahan pentadbiran. | 1. Memperkasa Unit Pengurusan Aduan Awam Majlis Perbandaran Kuala Langat. 2. Mengadakan 'Hari Bersama Pelanggan' 3. Mengurus dengan lebih cekap aduan secara online | 2019 dan berterusan JKPM JKPM |
| 2. | Meningkatkan tahap kefahaman dan kesedaran anggota tentang pentingnya tahap integriti dan menghapuskan rasuah. | 1. Mengadakan seminar, kursus,bengkel. 2. Program Kaunseling bersama AKRAB 3. Menganjurkan 'Program Team Building' | 2019 dan berterusan JKP AKRAB JKP |
| 3. | Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada anggota Pentadbiran agar dapat meningkatkan prestasi kerja dan sebagai contoh kepada anggota lain. | 1. Memberi penghargaan kepada anggota yang menunjukkan nilai-nilai murni dan tahap integriti yang tinggi dalam menjalankan tugas melalui 'Anugerah Pekerja Cemerlang Tahunan' dan 'Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan'. | 2019 dan berterusan JKP |



BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM

STRATEGI : PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI UNTUK MEMERANGI RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA SERTA MENINGKATKAN INTEGRITI.

OBJEKTIF STRATEGI :

2. Beberapa program yang telah dirangka oleh Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat bagi mengekang perlakuan negatif ialah:
- i Mewujudkan Biro Pengaduan Awam Majlis Perbandaran Kuala Langat dan mengadakan ‘Hari Bersama Pelanggan’ bagi memantapkan mekanisme ketulusan dalam pentadbiran dan memperbaiki sebarang kelemahan serta aduan salah laku;
 - ii Mengadakan seminar, kursus dan bengkel untuk meningkatkan tahap kesedaran anggota tentang kepentingan mempertingkatkan integriti dan memerangi rasuah;
 - iii Mengadakan program kaunseling bagi memerangi rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa ;
 - iv Menganjurkan ‘Program Team Building’ untuk mengeratkan hubungan dan persefahaman di kalangan warga kerja;
 - v Mengadakan program pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai / kakitangan

KESAN-KESAN RASUAH KEPADA PENJAWAT AWAM DAN NEGARA



01

MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA MELALUI PEMBOCORAN MAKLUMAT TERPERINGKAT.

02

MEMBAHAYAKAN NYAWA AKIBAT PENGGUNAAN BAHAN BINAAN YANG KURANG BERKUALITI.

03

KETIDAKADILAN SOSIAL YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA PENINDASAN DAN MENAFIKAN HAK KE ATAS GOLONGAN TERTENTU.

04

MENGAKIBATKAN KELEMAHAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG.

05


MEMPENGARUHI PELABURAN PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK).

PENILAIAN RISIKO



Majlis Perbandaran Kuala Langat telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di MPKL yang mungkin menjelaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah :

Menganalisis data risiko rasuah semasa bengkel pengurusan risiko rasuah (CRM)



Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tataterib, laporan audit dalam, kajian kepuasan pelanggan dan sistem pengurusan audit nilai.

Mengenalpasti risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa bengkel.

Data-data daripada agensi luar seperti biro pengaduan awam, SPRM

STRATEGI 2






BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN SEKTOR AWAM
STRATEGI : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

PELAN TINDAKAN :

| BIL | STRATEGI | TINDAKAN | TAHUN SASARAN / PELAKSANA |
|-----|--|---|---|
| 4 | Meningkatkan tahap disiplin penjawat awam bagi memastikan peraturan sentiasa dipatuhi. | <ol style="list-style-type: none">1. Mengadakan pemeriksaan secara berkala.2. Memantau dan mengambil tindakan tatatertib ke atas anggota yang melanggar peraturan.3. Mengadakan Sesi dan Program Kaunseling bersama AKRAB ke atas anggota yang bermasalah.4. Menubuhkan Jawatankuasa Aset dan Jawatankuasa Kewangan. | 2019 dan berterusan UI JKP AKRAB UPUB |
| 5 | Mengemaskini sistem prosedur kerja untuk Mengelakkan prosedur yang menjurus ke arah penyelewengan. | 1. Mengemaskini dan mengadakan kajian semula MyPortfolio setiap tahun | 2019 dan berterusan JKP |

BAB 2

SENARIO MASA HADAPAN





SENARIO MASA HADAPAN

Merupakan gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku di masa hadapan. Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenalpasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan. Sbanyak empat (4) strategi utama telah digariskan dalam OACP MPKL.

SENARIO ANTIRASUAH 2030

Pelan Antirasuah Nasional 2019—2023 telah meletakkan empat (4) senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam kaitan risiko rasuah dengan tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh sesebuah agensi. Ia meliputi :

1. Senario kesinambungan
2. Senario kekangan
3. Senario perkembangan
4. Senario merudum



**BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN SEKTOR AWAM
STRATEGI : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS**

PELAN TINDAKAN :

| BIL | STRATEGI | TINDAKAN | TAHUN SASARAN / |
|-----|--|---|-------------------------------------|
| 1 | Permodenan pentadbiran dan organisasi bagi memantapkan kualiti dan pembaharuan dalam pentadbiran dan pengurusan. | 1. Pertandingan Anugerah Kualiti 2. Mewujudkan Kumpulan Inovasi Kerja (KIK) | 2019 dan berterusan JKP |
| 2 | Memperkuatkan visi dan misi organisasi bagi memastikan senarai tugas dan tanggungjawab anggota adalah jelas dan seimbang. | 1. Mengkaji semula visi dan misi organisasi. | setiap tiga (3) tahun sekali JKP |
| 3 | Memperkemaskan Piagam Pelanggan untuk memastikan setiap anggota mematuhi Piagam Pelanggan Majlis Perbandaran Kuala Langat mengikut keperluan semasa. | 1. Mengemaskini Piagam Pelanggan Majlis Perbandaran Kuala Langat mengikut keperluan semasa. | setiap tiga (3) tahun sekali JKP |



**BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN SEKTOR AWAM
STRATEGI : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS**

OBJEKTIF STRATEGI :

1. Antara ciri-ciri tadbir urus terbaik yang dirancang dan dilaksana di Majlis Perbandaran Kuala Langat ialah:
 - i Mengadakan Pertandingan Anugerah Kualiti dan mewujudkan Kumpulan Inovasi Kerja untuk memantapkan kualiti dan pembaharuan dalam pentadbiran dan pengurusan;
 - ii Mengkaji semula visi dan misi organisasi bagi memastikan tanggungjawab anggota adalah jelas dan seimbang;
 - iii Mengemaskini Piagam Pelanggan Majlis Perbandaran Kuala Langat setiap 3 tahun sekali;
 - iv Memantau dan mengambil tindakan tatatertib ke atas anggota yang bermasalah dan mengadakan sesi serta program kaunseling bersama AKRAB;
 - v Mengemaskini dan mengadakan kajian semula MyPortfolio setiap tahun; dan



I. SENARIO KESINAMBUNGAN

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah, tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau mapan.

2. SENARIO KEKANGAN

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah tidak dapat dicapai akibat kekangan dalam dan persekitaran.

3. SENARIO PERKEMBANGAN

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

4. SENARIO MERUDUM

Rasuh menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.



SENARIO KESINAMBUNGAN

| SENARIO | PENTADBIRAN SEKTOR AWAM | PEROLEHAN AWAM | PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG |
|---|--|--|---|
| S1 SENARIO KESINAMBUNGAN | <p>Penggunaan teknologi maklumat sebagai platfrom dan mekanisme tadbir urus, kerajaan lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat. Namun begitu, kegagalan untuk mengguna pakai teknologi maklumat serta manipulasi sistem berupaya menjelaskan kejayaan pencapaian sektor awam.</p> | <p>Penglibatan tenaga manusia dapat dikurangkan melalui implementasi penggunaan sistem dan teknologi baharu. Tahap kemahiran serta tahap birokrasi akan dapat dikurangkan atau dihapuskan. "Value for money" akan menjadi lebih realiti dan kualiti hidup masyarakat menjadi bertambah baik. Walau bagaimanapun, dalam tempoh terdekat, aspek seperti ketirisan maklumat atau ketirisan wang awam melalui kaedah perolehan secara rundngan terus dan juga arahan-arahan daripada pihak tertentu masih dijangka akan berlaku.</p> | <p>Undang-undang telah dipinda secara komprehensif sesuai dengan keperluan semasa. Namun pen-dakwaan tidak dapat dilaksanakan secara adil dan saksama kerana kekangan sumber dan kepakaran.</p> |

STRATEGI 1





STRATEGI

STRATEGI 1

MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS YANG TERBAIK.

STRATEGI 2

PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI UNTUK MEMERANGI RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA SERTA MENINGKATKAN INTEGRITI.

STRATEGI 3

MEMPERTINGKATKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN.



| SENARIO | PENTADBIRAN SEKTOR AWAM | PEROLEHAN AWAM | PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG |
|------------------------|---|---|--|
| S2 SENARIO KEKANGAN | Pengukuhan pentadbiran organisasi yang berintegriti sukar dicapai kerana kurangnya kerjasama jitu daripada pemegang taruh dan individu yang berkepentingan. | Kelompongan polisi dan dasar kerajaan dimanipulasi oleh pihak berkepentingan dan penggunaan teknologi masih gagal mengekang salah laku integriti. | Ketidakpatuhan kepada peraturan masih berlaku ekoran kurangnya tindakan punitif dan kawalan ke atas pelaku yang terlibat dalam salah laku integriti. |



SENARIO PERKEMBANGAN

| SENARIO | PENTADBIRAN SEKTOR AWAM | PEROLEHAN AWAM | PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG |
|--|---|--|--|
| S3 SENARIO PERKEMBANGAN | Sistem tadbir urus melibatkan penyertaan aktif pakar rujuk organisasi dan komuniti dalam membuat keputusan yang lebih telus. Di samping itu, penggunaan teknologi digital yang menyeluruh akan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan secara keseluruhan dan tahap keyakinan penerima perkhidmatan adalah tinggi. Sumber kewangan daripada sumber manusia digunakan secara cekap dan berkesan bagi memenuhi ekspektasi rakyat. | Insiden salah guna kuasa dalam perolehan awam dapat dikurangkan ke tahap minimum yang didukung oleh penjawat awam yang lebih berintegriti, cekap, berilmu dan amanah dalam memelihara kepentingan negara. Pengurusan perolehan awam juga akan lebih efisien dan kan menjimatkan kos kepada rakyat. Justeru, imej dan ketelusan perolehan awam dapat dipertingkatkan dan secara langsung akan memberi kesan positif kepada kedudukan pestasi ekonomi negara serta mempertahankan kemakmuran rakyat. | Keberkesanan sistem perundungan dapat dipertingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi dan peredaran masa serta budaya integriti yang telah menjadi amalan warga kerja. |



BIDANG KEUTAMAAN

02. PEROLEHAN AWAM

Perolehan awam merujuk kepada pembelian barang, perkhidmatan dan kerja oleh kerajaan dan perusahaan milik awam. Oleh kerana perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai, Majlis Perbandaran Kuala Langat perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang dalam Majlis Perbandaran Kuala Langat yang paling terdedah kepada rasuah dan pelbagai kegiatan berisiko.

03. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang merujuk kepada sistem yang telah disusun untuk menguatkuaskan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan dan norma-norma yang mengawal masyarakat. Jabatan penguatkuasaan amat komited dalam mengenal pasti penyelesaian dan melaksanakan tindakan untuk mengurangkan ketidakpatuhan peraturan, salah laku dan pelanggaran peraturan. Jabatan penguatkuasaan undang-undang sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak eksekutif, kurangnya kebebasan dan integriti dalam pentadbiran yang akhirnya mendedahkan mereka kepada rasuah. Penguatkuasaan undang-undang dengan itu harus dikaji dari semasa ke semasa bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.



01. PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Sektor awam mencakupi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan Majlis Perbandaran Kuala Langat. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting mencerminkan imej Majlis Perbandaran Kuala Langat. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras Majlis Perbandaran Kuala Langat untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar dan nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan sector awam demi meningkatkan kebertanggungjawabannya.



| SENARIO | PENTADBIRAN SEKTOR AWAM | PEROLEHAN AWAM | PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG |
|-------------------------------|---|---|--|
| S4 SENARIO MERUDUM | Campur tangan pihak ketiga dalam pentadbiran awam yang melibatkan isu integriti, karenah birokrasi, pelanggaran peraturan dan tiada pemantauan yang konsisten memberi kesan kepada amalan tadbir urus yang tidak telus. Keadaan ini menyebabkan elemen rasuah, pembaziran kewangan dan salah guna kuasa berleluasa. Keadaan ini seterusnya mengurangkan tahap keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran awam dan dasar kerajaan. | Keadaan ekonomi dan politik negara yang tidak stabil sangat mempengaruhi senario negara. Moral pegawai menurun akibat campur tangan daripada pihak luar secara berleluasa di samping kelemahan di dalam sistem sedia ada, diambil kesempatan oleh pihak yang tertentu. Saluran aduan disalahguna untuk mengenakan pegawai lain dan menyenangkan kegagalan penguatkuasaan. Ini menjadikan rasuah menjadi kelaziman di dalam urusan perolehan awam. | Rakyat meragui kewibawaan perundangan ekoran penguatkuasaan yang lemah sehingga rakyat hilang kepercayaan kepada fungsi dan peranan organisasi serta kerajaan. |

GERAKAN PEMANTAPAN ANTIRASUAH

&

PERANCANGAN



KERANGKA OACP

VISI

MEMBENTUK WARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
YANG MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DAN BEBAS RASUAH

MISI

MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN MENINGKATKAN TAHAP
KESEDARAN INTEGRITI MENERUSI PELAKSANAAN OACP MELALUI
PEMATUHAN TERHADAP ARAHAN DAN PERATURAN YANG
BERKUAT KUASA

03

BIDANG KEUTAMAAN

03

STRATEGI

18

OBJEKTIF STRATEGI

25

PELAN TINDAKAN

BAB 3

KERANGKA DACP



Bagi mewujudkan warga kerja yang berintegriti, pentadbiran ini memerlukan kerjasama dan komitmen semua pihak. Di samping itu, ia juga memerlukan perancangan, mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan, penyelarasan serta penilaian bagi memastikan strategi utama Majlis Perbandaran Kuala Langat dalam Pelan Antirasuah tercapai.



Bagi memastikan matlamat pelaksanaan semua program yang dijalankan dapat dipenuhi, adalah penting untuk mengenalpasti faktor-faktor yang boleh membuka peluang kepada kakitangan awam terlibat dalam gejala-gejala penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Kumpulan sasaran yang terlibat perlu dikenalpasti bagi memudahkan perancangan program disamping dapat memastikan kesesuaian aktiviti yang dirancang dengan matlamat yang ingin dicapai. Perancangan yang kemas dan teratur akan membantu menentukan keberkesaan pelaksanaan program di samping memastikan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

GARIS PANDUAN ASAS



8 : PENILAIAN

- | | |
|-------------------|---|
| <p>8.1</p> | Penilaian awal secara berkala perlu dilakukan untuk mengenalpasti tahap kefahaman dan kesedaran serta pengalaman nilai, etika dan integriti di kalangan pegawai dan anggota Majlis Perbandaran Kuala Langat. Kaedah penilaian perlu dirangka umpamanya dengan menyediakan soal selidik selepas setiap pelaksanaan program integriti. Untuk tujuan penilaian ini, maklumat dan data-data perlu dikumpul secara berkala, konsisten dan bersistematik. |
| <p>8.2</p> | Perubahan minda dan tingkah laku pegawai dan anggota serta penambahbaikan dari aspek pelaksanaan sistem dan prosedur kerja perlu sentiasa ditingkatkan secara berkala dan dilaksanakan agar matlamat Pelan Antirasuah Nasional umumnya dan matlamat Pelan Antirasuah serta visi dan misi Majlis Perbandaran Kuala Langat khasnya, dapat dipenuhi. Dalam merealisasikan usaha ini, pentadbiran memerlukan kerjasama dan komitmen seluruh warganya di setiap peringkat bagi melahirkan kakitangan yang bukan sahaja memiliki nilai integriti dan etika yang tinggi, malah turut dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang sentiasa bertambah dan relevan dengan perkembangan dunia global. Oleh yang demikian, Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat ini hendaklah sentiasa diperbaiki mengikut keperluan dan kesesuaian peredaran masa. Kejayaan pelaksanaan strategi yang telah digariskan di dalamnya bergantung sepenuhnya kepada penyertaan dan komitmen seluruh warga Majlis Perbandaran Kuala Langat dalam program dan aktiviti yang telah dirancang. |



GARIS PANDUAN ASAS

5 : PUNITIF

- 5.1 Mengambil tindakan yang tegas kepada mana-mana individu atau kumpulan yang melakukan atau terlibat dengan perbuatan rasuah, penyelewengian, salahguna kuasa dan pelanggaran peraturan atau undang-undang;
- 5.2 Mewujudkan atau menambahbaik sistem aduan dalam bagi membolehkan aduan mengenai salahlaku dilaporkan kepada pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat;
- 5.3 Menentukan sistem pengurusan tata tertib dan sistem keadilan dalam pelaksanaan punitif sentiasa terpelihara agar tidak berlaku ketidakadilan dalam proses perundangan dan penguatkuasaan.

6 : PEMANTAUAN

- 6.1 Sebuah pasukan naziran yang ditugaskan untuk membuat pemantauan terhadap pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan perlu diwujudkan bagi memastikan keberkesanan program, tahap pencapaian matlamat dan konsistensi pelaksanaan.

7 : PENYELARASAN

- 7.1 Pelaksanaan program atau aktiviti perlu diselaraskan untuk mengelakkan pembaziran sumber seperti peruntukan, masa dan tenaga. Segala kemudahan yang sedia ada hendaklah digunakan bagi mengelakkan perbelanjaan tambahan kepada organisasi.



GARIS PANDUAN ASAS

1

PENGHAYATAN / PENERAPAN

2

PENGUKUHAN

3

PENCEGAHAN

4

PENGIFTIRAFAN

5

PUNITIF

6

PEMANTAUAN

7

PENYELARASAN

8

PENILAIAN



GARIS PANDUAN ASAS

1 : PENGHAYATAN / PENERAPAN

- 1.1 Memberi kefahaman dan kesedaran mengenai nilai, etika dan integriti;
- 1.2 Menimbulkan kesedaran dan keinsafan mengapa perlu dan pentingnya integriti dalam kehidupan sehari-hari terutamanya di tempat kerja; dan
- 1.3 Membudayakan integriti walau di manapun mereka berada.

2 : PENGUKUHAN

- 2.1 Meningkat dan memperluaskan penghayatan serta pengalaman integriti sebagai budaya kerja warga organisasi;
- 2.2 Memantapkan mekanisme ketelusan supaya pelanggan mempunyai keyakinan yang penuh terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat;
- 2.3 Pemimpin dan penyelia di semua peringkat harus menjadi contoh ikutan (role model) kepada kumpulan yang dipimpin atau diselia olehnya;
- 2.4 Meningkatkan program kualiti di semua peringkat;
- 2.5 Mewujudkan penanda aras dan indikator atau petunjuk utama prestasi (key performance indicator) bagi setiap aktiviti;
- 2.6 Menyediakan suasana kerja yang kondusif dengan keperluan fizikal yang sesuai; dan
- 2.7 Mengaplikasikan konsep pengurusan seperti "mentor-mentee" dan proses pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan program motivasi, jatidiri dan kaunseling.



GARIS PANDUAN ASAS

3 : PENCEGAHAN

- 3.1 Mengesan dan mengenalpasti kelemahan dalam amalan sehari-hari, termasuk sistem dan prosedur, peraturan dan undang-undang semasa supaya tidak memberi ruang kepada berlakunya perkara-perkara yang boleh menjadikan integriti warga kerja di Majlis Perbandaran Kuala Langat;
- 3.2 Sentiasa mengenalpasti bidang berisiko tinggi yang boleh mengakibatkan atau membuka peluang kepada rasuah dan salah guna kuasa; dan
- 3.3 Menyediakan senarai tindakan yang perlu diambil sekiranya wujud unsur-unsur atau petunjuk-petunjuk yang boleh membawa kemerosotan integriti.

4 : PENGKIRAFAN

- 4.1 Pengiktirafan diberikan dengan tujuan untuk memastikan himpunan nilai-nilai dan moral yang unggul terus kekal di dalam individu atau organisasi tersebut serta menjadi inspirasi dan contoh ikutan kepada penjawat awam yang lain dan seterusnya menjadi piawaian kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat; dan
- 4.2 Mengenalpasti individu / kumpulan / organisasi yang cemerlang dalam membudayakan dan memantapkan integriti di setiap peringkat.